

27/05/2000

Industri pertanian dapat suntikan semangat

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad telah meletakkan asas yang kukuh untuk dijadikan landasan dalam pembentukan sebuah negara Malaysia yang maju, moden dan berdaulat. Bermula daripada cita-cita kecilnya untuk memajukan sektor perindustrian dengan tujuan menarik pelabur bagi membuka kilang dan mewujudkan banyak peluang pekerjaan, Malaysia kini sudah mempunyai agenda yang lebih besar iaitu Wawasan 2020.

Menyedari keperluan membina sebuah negara yang seimbang dalam semua aspek menjelang 2020, di samping mengurangkan penggantungan kepada import, Perdana Menteri kini mula mengalihkan perhatian kepada pemodenan sektor pertanian yang dikenal pasti banyak menyumbang kepada aliran keluar wang negara iaitu RM11 bilion tahun lalu.

Antara barang makanan kecil yang turut diimport termasuk cili padi (150 tan metrik) dan lengkuas serta limau purut (50 tan metrik) tahun lalu. Berdasarkan kesedaran itulah, lahir Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) dengan rancangan 12 tahunnya (1998-2010), iaitu menggariskan pendekatan baru bagi sektor pertanian dengan penekanan kepada peningkatan pelaburan swasta, penggunaan teknologi tinggi, pertanian berskala besar dan pengurangan tenaga kerja di sektor itu daripada 1.4 juta sekarang kepada 0.9 juta menjelang 2010.

Berbakti kepada tanah tidak merugikan. Apabila Dr Mahathir kelmarin mengumumkan untuk mengkaji mewujudkan insentif kepada pengusaha ladang yang memaksimumkan penggunaan tanah mereka, ia jelas memperlihatkan kerajaan mahu komitmen rakyat terhadap kegiatan pertanian terus tinggi. Justeru, amaran bahawa akan dikenakan cukai yang lebih tinggi jika penggunaan tanah tidak dioptimumkan, mesti dipandang secara positif untuk menjana satu revolusi dalam sektor pertanian Malaysia.

Maksud penggunaan optimum termasuk pertanian bercampur seperti kelapa sawit diselang seli dengan tanaman koko dan ternakan atau pertanian bergilir dengan tidak memberi tumpuan kepada satu jenis tanaman saja. Kita mengakui bahawa import makanan menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup. Jika kos barang naik empat peratus, kos makanan pula naik antara enam dan tujuh peratus, yang menjadikan kos sara hidup juga meningkat.

Walaupun, Dr Mahathir tidak mengulas apakah insentif yang akan diberi, tetapi kemungkinan besar membabitkan pelepasan cukai yang tinggi berbanding mengenakan cukai kepada pengusaha ladang yang tidak mengamalkan penggunaan tanah secara optimum.

Malaysia, katanya, kini bercita-cita untuk menjadi pengeluar dan pengeksport bahan makanan. Bagaimanapun, segala cita-cita itu dan pencapaian hanya boleh diukur berdasarkan pencapaian DPN3. DPN3 adalah iltizam kerajaan memajukan industri pertanian negara. Teras DPN3 ialah meningkatkan pengeluaran dan sekuriti makanan, meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian, meningkatkan pelaburan sektor swasta, meningkatkan eksport dan mengurangkan import, memulihara dan menggunakan teknologi tinggi. Dalam tempoh 12 tahun ini, jumlah pelaburan yang diperlukan bagi menjayakan DPN3 ialah RM32 bilion iaitu RM21 bilion oleh sektor swasta dan RM11 bilion oleh sektor awam, iaitu anggaran pelaburan 1998-2000 (RM7.2 bilion), 2001-2005 (RM11.9 bilion dan 2005-2010 (RM12.9 bilion).

Salah satu aspek utama DPN3 ialah pengenalan Skim Pertanian Berskala Besar iaitu membabitkan kawasan tanah seluas 4,000 hektar ke atas. Untuk menjayakan skim itu, Kementerian Pertanian melantik Kolej Pertanian

Diraja, United Kingdom, untuk mengkaji pelaksanaan dan menyediakan pelan induk pembangunannya.

Matlamat akhir DPN3, semestinya cuba mencapai taraf beberapa negara Eropah sehingga keluaran bahan makanan menyumbang kepada pendapatan negara. Keupayaan negara kecil seperti Belanda sepatutnya menjadi pengajaran kepada kita. Jika 100,000 petani Belanda boleh mengeluarkan hasil pertanian berjumlah RM950 bilion setahun berbanding 1.4 juta petani Malaysia yang hanya menghasilkan RM25 bilion, semestinya industri pertanian negara jauh ketinggalan.

Diharapkan dengan pengumuman kerajaan akan menyuntik semangat baru di kalangan pengusaha ladang pertanian di negara ini agar membuka mata dan minda supaya tidak terlalu terkongkong dengan getah dan kelapa sawit saja. Pandangan Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi bahawa petani Malaysia memerlukan anjakan paradigma dan perubahan segera mentaliti jika mahu maju, perlu dijadikan renungan, jika mahu lihat sektor pertanian mencapai kejayaan besar.

(END)